

07/01/1998

Selangor anjur kempen beli barangan tempatan

SHAH ALAM, Selasa - Selangor akan menganjurkan kempen besar-besaran 'Belilah Barangan Buatan Malaysia' dalam usaha menyokong kerajaan menggalakkan rakyat membeli barang tempatan.

Kempen itu akan diadakan di Pasaraya Giant Cash and Carry, Subang Jaya daripada 11 hingga 18 Januari ini dengan disertai 44 syarikat tempatan.

Sebanyak 66 gerai menjual produk tempatan disediakan dan pengunjung boleh membeli pelbagai barangan termasuk makanan, barangan industri dan elektrik, peralatan rumah, barangan kulit, pakaian, kasut dan barang kemas pada harga kilang.

Kempen anjuran bersama oleh Majlis Hal Ehwal Pengguna Selangor, Pergerakan Pemuda MCA, Pasaraya Giant dan Persatuan Pengilang Malaysia itu diadakan sebagai menyokong saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya rakyat Malaysia membeli barangan buatan tempatan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tang See Hang, berkata kempen itu akan dirasmikan oleh Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar, pada kira-kira jam 10 pagi, 11 Januari ini.

Beliau berkata, melalui kempen itu pengeluar berpeluang mempromosikan produk mereka manakala orang ramai berpeluang membeli pada harga berpatutan di samping melihat sendiri kemampuan syarikat tempatan mengeluarkan produk yang setanding dengan barangan import.

Menurutnya, kerajaan negeri juga menggalakkan kempen seperti itu diperingkat daerah bagi memberi peluang penduduk di luar Lembah Klang melihat dan membeli produk tempatan yang mungkin sukar diperolehi di tempat mereka.

Sehubungan itu, beliau menyarankan orang ramai, terutama yang tinggal di sekitar Lembah Klang supaya merebut peluang menghadiri kempen itu serta memberi sokongan penuh kepada barangan tempatan.

(END)